



**KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

Tel : 603-8872 3010
Laman Web : www.jdn.gov.my
E-mel : fazidah@digital.gov.my

Ruj Kami: JDN.100-1/7/1(2)
Tarikh : **26** April 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13

Izinkan saya dengan segala hormatnya menjemput perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan, Jabatan Digital Negara (JDN) telah menyediakan **Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13** selaras dengan aspirasi GovTech dan pewujudan Kementerian Digital. Garis panduan tersebut adalah seperti lampiran.
3. Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 menetapkan bahawa proses kelulusan teknikal Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) dan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) dilaksanakan sebelum permohonan bajet dan kelulusan teknikal JPICT/JTISA menjadi prasyarat permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi.
4. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memanjangkan surat ini kepada semua agensi di bawah kementerian masing-masing dan mengambil perhatian dan tindakan terhadap keperluan tatakelola baharu ini.

JDN.100-1/7/1(2)

Perhatian pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR)

JDN.100-1/7/1(2)

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p: Puan Laila Khalidah binti Ismail)

YBhg. Dato' Indera Ab Rahim bin Ab Rahman
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan Kerajaan (GPD)
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 5 Blok Utara,
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Putrajaya

2. **YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Wisma Tani, No. 28
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya

3. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
Blok C5 Aras 6, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya

4. **YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 1-14, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

5. **YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

6. **YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya

7. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 10, Blok Tengah, No. 5 Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

8. **YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 5 - 10, Blok F9, Parcel F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya

9. **YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No 47
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

10. **YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 Putrajaya

11. **YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

12. **YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Setia Perkasa 1
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

13. **YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron**
Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya

14. **YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

15. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Setia Perkasa 3 & 4
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

16. **YBhg. Datuk Haji Rodzi bin Md Saad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 14, Blok Usahawan, Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

17. **YBhg. Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

18. **YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya

19. **YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

20. **YBhg. Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya

21. **YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100, Putrajaya

22. **YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

23. **YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Menara PETRA 25
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574, Putrajaya

24. **YBhg. Dato' Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Putrajaya

25. **YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya

26. **YBhg. Dato' Hairil Yahri bin Yaacob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

27. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

28. Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
No. 15, Level 5-13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 Putrajaya

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13

1. TUJUAN

Garis panduan ini merupakan rujukan dalam melaksanakan Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 berdasarkan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT baharu di Kementerian/agensi sektor awam.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penubuhan Kementerian Digital (KD) dan Jabatan Digital Negara (JDN) diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa rombakan kabinet pada 12 Disember 2023. Pembentukan kedua-dua organisasi ini bertujuan untuk memperkasa inisiatif pendigitalan melalui konsep *Government Technology* atau GovTech.

2.2 GovTech merupakan perkhidmatan digital bersepadu (Whole of Government (WoG)) Kerajaan yang memfokuskan kepada:

- a. Perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat.
- b. Transformasi Kerajaan digital.
- c. Sistem Kerajaan yang mudah, cekap dan telus.

2.3 Perkhidmatan digital bersepadu (WoG) merangkumi perkhidmatan keseluruhan Kerajaan yang melibatkan *touchpoint* rakyat dalam suatu peristiwa kehidupan (life-event) dan disediakan secara dalam talian dari mula hingga akhir. Penyenaiaan perkhidmatan WoG adalah suatu perkhidmatan rentas pelbagai agensi yang ditawarkan kepada rakyat sebagai satu perkhidmatan.

2.4 Misi JDN ialah memacu pendigitalan penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui pemantapan tatakelola, pemanfaatan kepintaran data, pemerksaan bakat dan adaptasi teknologi baharu ke arah perkhidmatan yang efisien, cerdas, selamat dan tangkas.

2.5 Selaras dengan penubuhannya, JDN dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan lapan (8) fungsi utama berikut:

- a. Menyelaras dan Melaksana Tatakelola Program Nasional dan Projek Pendigitalan Kerajaan.
- b. Menerajui Transformasi Perkhidmatan Digital dan Pelaksanaan GovTech Berdasarkan Pendekatan WoG Mengikut Sektor Perkhidmatan.
- c. Menerajui Pembangunan dan Pelaksanaan Perkhidmatan Sepunya Digital yang Merentas Agensi.
- d. Merancang, Mengurus dan Menyelaras Maklumat Strategik dan Analitik.
- e. Menerajui dan Melaksana Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur Digital Kerajaan.

- f. Menerajui Perancangan, Pembangunan dan Pelaksanaan Kompetensi dan Kerjaya Pegawai Perkhidmatan Sistem Maklumat.
- g. Memberi Khidmat Runding dan Nasihat Teknikal Berkaitan Penggunaan Teknologi Digital Dalam Transformasi Perkhidmatan Digital.
- h. Melaksanakan Pembudayaan Teknologi Dalam Perkhidmatan Digital.

2.6 Sejalan dengan misi dan fungsi JDN, salah satu fokus adalah Menyelaras dan Melaksana Tatakelola Program Nasional dan Projek Pendigitalan Kerajaan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan ke arah yang lebih efisien dan mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

3. PUNCA KUASA

Punca kuasa bagi pelaksanaan tatakelola baharu perolehan ICT seperti berikut:

3.1 Mesyuarat Membincangkan Cadangan Tatakelola Bagi Menyegerakan Pelaksanaan Projek Kerajaan yang telah diadakan pada 20 Disember 2023 bersama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Jabatan Digital Negara (JDN) telah membuat penambahbaikan terhadap Cadangan Tatakelola Perolehan ICT.

3.2 Mesyuarat Berkaitan Penambahbaikan Tatakelola Perolehan

ICT pada 15 Februari 2024 bersama Kementerian Ekonomi, MOF, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan JDN bersetuju dengan cadangan pelaksanaan tatakelola baharu perolehan ICT.

3.3 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) Bil. 3/2024 pada 14 Mac 2024 telah meluluskan Cadangan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13.

4. PERKARA UTAMA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH KEMENTERIAN/AGENSI DALAM PENYEDIAAN PERMOHONAN PROJEK ICT

4.1 Bagi memastikan projek ICT berdaya maju dengan kos yang berkesan, **Kementerian/agensi hendaklah memberi keutamaan terhadap pelaksanaan projek-projek yang berimpak tinggi serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan Kerajaan seperti berikut:**

- a. Berisiko tinggi dan berpotensi mengancam nyawa seperti sistem amaran tsunami dan sistem kawalan trafik.
- b. Menjejaskan dan memudaratkan kesihatan awam seperti sistem maklumat pesakit dan kawalan penyakit berjangkit.
- c. Berpotensi mengancam keselamatan negara seperti sistem imigresen dan sistem maritim.
- d. Berpotensi menjejaskan ekonomi dan kewangan negara seperti sistem percukaian dan sistem perakaunan.

- e. Mempunyai kompleksiti tinggi dan merentas agensi serta memberi impak langsung kepada penjawat awam dan rakyat.
- f. Aplikasi teras (mission critical) agensi.

4.2 Bagi mengoptimumkan kos, Kementerian/agensi hendaklah menggunakan inisiatif Digital Kerajaan seperti berikut:

- a. Perkhidmatan Gunasama ICT (Pusat Data, Rangkaian, Komunikasi & Keselamatan).
- b. Perkhidmatan Perundingan ICT (Kepakaran Dalaman ICT, IV&V).
- c. Rasionalisasi Aplikasi (Aplikasi Sepunya, Aplikasi Mobil/mudah alih).
- d. Pengurusan Penggunaan Peralatan & Perisian ICT (Lesen, perkakasan front-end).
- e. Perkhidmatan Cloud (Public & Private, Hybrid, IaaS, PaaS, SaaS).
- f. Platform & Perkhidmatan Digital (MyGovernment Portal, E2E, MyGCC), Analitis Data, AI, RPA (analytic insight, foresight, data virtualization).


4.3 Kementerian/Agensi disaran untuk merujuk kepada reka bentuk perkhidmatan (Service Design) yang boleh dicapai melalui laman web <http://standard.digital.gov.my> bagi menentukan keperluan teknikal dalam fasa perancangan projek.

5. PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT

5.1 Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Sedia Ada

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam, Para 4.8 menetapkan semua perolehan ICT hendaklah mendapat kelulusan peruntukan daripada agensi pusat yang meluluskan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan sebelum dikemukakan untuk kelulusan teknikal di peringkat JPICT Kementerian/agensi masing-masing.

- b. Tatakelola pengurusan dan perolehan projek ICT sedia ada adalah seperti Rajah 1 yang telah menetapkan semua permohonan projek ICT RMKe-12 yang dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi perlu melalui sesi pemeriksaan dan konsolidasi bajet pada bulan April hingga Oktober tahun semasa. Bagi permohonan bajet Pembangunan, JDN terlibat dalam melaksanakan penilaian awal projek-projek ICT baharu dan mengesyorkan kepada Kementerian Ekonomi kebolehlaksanaan projek.



Rajah 1 Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Sedia Ada

- c. Selepas mendapat kelulusan bajet, Kementerian/agensi akan menyediakan spesifikasi projek secara terperinci sebelum mengemukakan permohonan kelulusan teknikal diperingkat JPICT/JTISA mengikut had nilai yang ditetapkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam.
- d. Anggaran tempoh masa bagi proses permohonan bajet sehingga mendapat kelulusan teknikal projek diperingkat JPICT/JTISA adalah 309 hingga 397 hari.
- e. Keterangan tatakelola pengurusan dan perolehan projek ICT sedia ada berdasarkan Rajah 1 adalah seperti di Jadual 1 berikut:


Jadual 1 Keterangan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Sedia Ada

PROSES BELANJAWAN - KEMENTERIAN KEWANGAN / KEMENTERIAN EKONOMI	
AKTIVITI	PENERANGAN
1. Penyediaan Bajet	Kementerian/Agensi mengunci masuk maklumat permohonan bajet melalui Sistem MyProjek selewat-lewatnya pada 31 Mac atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi
2. Pemeriksaan dan Konsolidasi Bajet	Sesi pemeriksaan dan konsolidasi bajet dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan pada April hingga Jun atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan/Kementerian Ekonomi

PROSES BELANJAWAN - KEMENTERIAN KEWANGAN / KEMENTERIAN EKONOMI	
AKTIVITI	PENERANGAN
3. Kelulusan Menteri Kewangan, Kabinet dan Parlimen	Urusan kelulusan Menteri Kewangan, Kabinet dan Pembentangan di Parlimen pada Oktober hingga Disember
4. Pengeluaran Waran Peruntukan kepada Kementerian	Kementerian menerima waran peruntukan pada Januari
5. Pengeluaran Waran Peruntukan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Kementerian membuat agihan peruntukan kepada PTJ masing-masing pada Januari hingga Februari
PROSES PEROLEHAN-KEMENTERIAN/AGENSI	
AKTIVITI	PENERANGAN
6. Pengurusan Nilai	Kementerian Ekonomi melaksanakan pengurusan nilai bersama Kementerian/agensi bagi projek yang mempunyai nilai ambang RM50juta dan ke atas
7. Penyediaan Spesifikasi	Perincian cadangan projek berserta spesifikasi disediakan oleh Kementerian/agensi
8. Kelulusan Teknikal JPICT/JTISA	Proses penilaian teknikal projek ICT oleh JPICT/JTISA
9. Pengiklanan dan Penerimaan Tawaran	Kementerian/Agensi mula membuat pengiklanan dan urusan perolehan
10. Penilaian Kewangan dan Teknikal	Kementerian/Agensi melaksanakan urusan penilaian kewangan dan teknikal
11. Kelulusan Pihak Berkuasa	Kelulusan pihak berkuasa melulus diperingkat Kementerian atau Kementerian Kewangan
12. Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST)	Kementerian/Agensi mengeluarkan SST kepada syarikat yang berjaya

5.2 Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Baharu

- a. Justifikasi penambahbaikan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT sedia ada adalah seperti berikut:
 - i. Proses perolehan ICT sedia ada mengambil masa yang panjang kerana melibatkan dua (2) peringkat penilaian teknikal projek ICT iaitu semasa pemeriksaan bajet oleh Pejabat Belanjawan Negara dan semasa proses kelulusan teknikal projek ICT di peringkat JPICIT/JTISA di JDN.
 - ii. Pada masa ini, spesifikasi cadangan projek ICT yang dikemukakan semasa permohonan bajet tidak terperinci mengikut keperluan sebenar dan berkemungkinan menyebabkan bajet yang diluluskan tidak bertepatan dengan skop projek yang dinyatakan.
- b. Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Baharu adalah seperti di Rajah 2.



Rajah 2 Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Baharu

- c. **Penambahbaikan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Baharu** merangkumi perkara berikut:
- i. Proses kelulusan teknikal projek ICT di peringkat JPICT/JTISA dilaksanakan **sebelum permohonan bajet** Pembangunan, bajet Mengurus, projek yang dilaksanakan secara *Private Finance Initiative (PFI)/ Public Private Partnership (PPP)* dan projek *in-house*.
 - ii. Peringkat kelulusan ini adalah merangkumi **kelulusan teknikal projek ICT dan syor bajet** bagi mengelakkan proses penilaian berlaku dua (2) kali dan anggaran kos yang kurang tepat disebabkan tempoh proses kelulusan yang panjang.
 - iii. **Pelaksanaan tatakelola baharu ini akan bermula bagi permohonan projek RMKe-13.**
- d. Melalui pelaksanaan tatakelola baharu ini, **maklumat keperluan projek serta justifikasi pembangunan/ pelaksanaan projek ICT, spesifikasi teknikal dan anggaran kos terperinci** akan disediakan oleh Kementerian/agensi sebelum mengemukakan permohonan bajet. Permohonan ini seterusnya akan diangkat untuk kelulusan teknikal projek ICT di peringkat JPICT/JTISA sebelum dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi atau MOF.

- e. **Kelulusan teknikal projek ICT di peringkat JPICT/JTISA menjadi prasyarat terhadap permohonan bajet** Pembangunan dan bajet Mengurus Kementerian/agensi.
- f. Anggaran tempoh masa bagi proses permohonan hingga mendapat kelulusan teknikal projek ICT dan anggaran kos projek diperingkat JPICT/JTISA sehingga kelulusan bajet dari Kementerian Ekonomi adalah 219 hingga 307 hari. Terdapat pengurangan tempoh masa permohonan bajet oleh Kementerian/agensi serta penambahbaikan ke atas proses kerja kelulusan teknikal projek ICT yang lebih mudah serta menjimatkan masa.
- g. Keterangan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Baharu berdasarkan Rajah 2 adalah seperti di Jadual 2 berikut:

Jadual 2 Keterangan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Baharu

PROSES PENILAIAN TEKNIKAL PROJEK ICT	
AKTIVITI	PENERANGAN
1.(a) Penyediaan Spesifikasi dan Kos Kelulusan Teknikal ICT (JPICT/JTISA)	Perincian cadangan projek berserta spesifikasi dan anggaran kos disediakan oleh Kementerian/agensi
(b) Kelulusan Teknikal JPICT/JTISA	Proses penilaian teknikal projek ICT oleh JPICT/JTISA dan mengesyorkan anggaran kos projek kepada Kementerian Ekonomi/ Kementerian Kewangan

PROSES BELANJAWAN - KEMENTERIAN KEWANGAN / KEMENTERIAN EKONOMI	
AKTIVITI	PENERANGAN
2. Penyediaan Bajet	Kementerian/Agensi mengunci masuk maklumat permohonan bajet melalui Sistem MyProjek selewat-lewatnya pada 31 Mac atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi
3. Pemeriksaan dan Konsolidasi Bajet	Sesi pemeriksaan dan konsolidasi bajet dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan pada April hingga Jun atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan/Kementerian Ekonomi
4. Kelulusan Menteri Kewangan, Kabinet dan Parlimen	Urusan kelulusan Menteri Kewangan, Kabinet dan Pembentangan di Parlimen pada Oktober hingga Disember
5. Pengeluaran Waran Peruntukan kepada Kementerian	Kementerian menerima waran peruntukan pada Januari
6. Pengeluaran Waran Peruntukan kepada PTJ	Kementerian membuat agihan peruntukan kepada PTJ masing-masing pada Januari hingga Februari
PROSES PEROLEHAN-KEMENTERIAN/AGENSI	
AKTIVITI	PENERANGAN
7. Pengurusan Nilai	Kementerian Ekonomi melaksanakan pengurusan nilai bersama Kementerian/agensi bagi projek yang mempunyai nilai ambang RM50juta dan ke atas
8. Pengiklanan dan Penerimaan Tawaran	Kementerian/Agensi mula membuat pengiklanan dan urusan perolehan
9. Penilaian Kewangan dan Teknikal	Kementerian/Agensi melaksanakan urusan penilaian kewangan dan teknikal
10. Kelulusan Pihak Berkuasa Melulus	Kelulusan pihak berkuasa melulus diperingkat Kementerian atau Kementerian Kewangan
11. Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST)	Kementerian/Agensi mengeluarkan SST kepada syarikat yang berjaya

5.3 Garis Masa Permohonan Kelulusan Bajet RMKe-13

- a. **Garis masa penyediaan permohonan penilaian teknikal RMKe-13** adalah seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3 Garis Masa Penyediaan Permohonan Penilaian Teknikal RMKe-13

BIL.	AKTIVITI	TINDAKAN	GARIS MASA
1.	Menyediakan dokumen permohonan projek RMKe-13 RP1 (2026) menggunakan templat JTISA	Kementerian/Agensi	Mei-Disember 2024
2.	Mendapatkan kelulusan teknikal JPICt Kementerian/agensi menggunakan Templat JTISA	Kementerian/Agensi	Mei-Disember 2024
3.	Mengemukakan permohonan projek RMKe-13 RP1 (2026) kepada JTISA melalui Sistem PROFIT *Tarikh akhir mengemukakan permohonan projek RMKe-13 RP1 kepada JTISA ialah pada September 2024 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh JDN *JDN tidak akan mempertimbangkan permohonan yang lewat	Kementerian/Agensi	Mei-September 2024
4.	Proses kelulusan teknikal JTISA bagi permohonan projek RMKe-13 RP1 (2026)	Urusetia JTISA, JDN	Mei-Disember 2024
5.	Mengemukakan hasil penilaian teknikal dan anggaran kos kepada	Urusetia JTISA, JDN	Mei-Disember 2024

BIL.	AKTIVITI	TINDAKAN	GARIS MASA
	Kementerian/agensi/Kementerian Ekonomi		
6.	Penyediaan dokumen permohonan (slaid) projek RMKe-13 RP2 (2027)	Kementerian/Agensi	Januari-Disember 2025
7.	Mendapatkan kelulusan teknikal JPICT Kementerian/agensi menggunakan Templat JTISA	Kementerian/Agensi	Januari-Disember 2025
8.	Mengemukakan permohonan projek RMKe-13 RP2 (2027) kepada JTISA melalui Sistem PROFIT *Tarikh akhir mengemukakan permohonan projek RMKe-13 RP2 kepada JTISA ialah pada September 2025 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh JDN *JDN tidak akan mempertimbangkan permohonan yang lewat	Kementerian/Agensi	Januari-September 2025
9.	Proses kelulusan teknikal JTISA bagi permohonan projek RMKe-13 RP2 (2027)	Urusetia JTISA, JDN	Januari-Disember 2025
10.	Mengemukakan hasil penilaian teknikal dan anggaran kos kepada Kementerian/agensi/Kementerian Ekonomi	Urusetia JTISA, JDN	Januari-Disember 2025
11.	Penyediaan dokumen permohonan (slaid) projek RMKe-13 RP3 (2028)	Kementerian/Agensi	Januari-Disember 2026
12.	Mendapatkan kelulusan teknikal JPICT Kementerian/agensi menggunakan Templat JTISA	Kementerian/Agensi	Januari-Disember 2026
13.	Mengemukakan permohonan projek RMKe-13 RP3 (2028) kepada JTISA melalui Sistem PROFIT	Kementerian/Agensi	Januari-September 2026

BIL.	AKTIVITI	TINDAKAN	GARIS MASA
	<p>*Tarikh akhir mengemukakan permohonan projek RMKe-13 RP3 kepada JTISA pada September 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh JDN</p> <p>*JDN tidak akan mempertimbangkan permohonan yang lewat</p>		
14.	Proses kelulusan teknikal JTISA bagi permohonan projek RMKe-13 RP3 (2028)	Urusetia JTISA, JDN	Januari-Disember 2026
15.	Mengemukakan hasil penilaian teknikal dan anggaran kos kepada Kementerian/agensi/ Kementerian Ekonomi	Urusetia JTISA, JDN	Januari-Disember 2026

6. PERANAN DAN TINDAKAN KEMENTERIAN/AGENSI DALAM PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAHARU

6.1 Peranan dan tindakan Kementerian/agensi dalam pelaksanaan tatakelola pengurusan dan perolehan projek ICT baharu adalah seperti berikut:

- a. Kementerian/Agensi hendaklah menyediakan permohonan projek ICT RMKe-13 yang lengkap menggunakan templat permohonan JTISA.
- b. Kementerian/Agensi hendaklah memastikan perancangan projek ICT baharu selaras dengan Pelan Pendigitalan Kementerian/agensi.

- c. Kementerian/Agensi hendaklah memastikan tiada pertindihan skop bagi projek ICT yang dipohon.
- d. Kementerian/Agensi hendaklah menggunakan produk dan perkhidmatan gunasama seperti berikut:
 - i. **MyGDX** sebagai **platform perkongsian data** yang terjamin.
 - ii. **MyGovernment Portal** sebagai satu **gerbang tunggal** bagi memudahkan capaian perkhidmatan oleh rakyat.
 - iii. **MyGovCloud@PDSA** dan **MyGovCloud@CFA** merupakan **perkhidmatan Cloud Hosting** yang menyediakan sejumlah sumber (rangkaian, server, storan, sistem operasi) secara maya (virtual).
 - iv. Lain-lain yang bersesuaian.

7. PENUTUP

7.1 Garis panduan ini memaklumkan mengenai pemakaian Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 kepada Kementerian/agensi. Garis panduan ini turut menggariskan panduan secara spesifik permohonan projek RMKe-13 bagi semua projek Baharu dan Sambungan.

7.2 Sekiranya Kementerian/agensi menghadapi sebarang masalah berkaitan pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13, pertanyaan dan surat-menyurat boleh dikemukakan kepada urussetiajtisa@digital.gov.my.

7.3 Garis panduan ini berkuatkuasa mulai **1 Mei 2024**. Kementerian/agensi boleh mengemukakan permohonan projek ICT melalui **Sistem Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT)** di pautan <https://profit.mampu.gov.my>.

**Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur Digital
Jabatan Digital Negara, Kementerian Digital**

26 April 2024